



Kenyataan Media

CYBERJAYA

18 April 2024

MCMC SITA TELEFON PEMILIK AKAUN MEDIA SOSIAL

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah merakam percakapan pemilik akaun media sosial, Badrul Hisham bin Shaharin (Chegubard), dan Mohamad Salim bin Iskandar (Salim Iskandar) di Ibu Pejabat MCMC di Cyberjaya, Selangor. Sementara itu, rakaman percakapan bagi Wan Muhammad Azri bin Wan Deris (Papagomo) dilakukan di Balai Polis Setapak.



Badrul Hisham bin Shaharin (kiri), Mohamad Salim bin Iskandar (tengah) dan Wan Muhammad Azri bin Wan Deris (kanan) hadir untuk dirakam percakapan.

Penyebaran kandungan tidak benar dengan niat mengganggu pihak lain adalah melanggar peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

Setelah selesai siasatan, kertas siasatan akan diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk arahan lanjut.

Pegawai penyiasat telah menyita telefon bimbit milik ketiga-tiga individu tersebut yang telah digunakan untuk memuat naik video berkeraan bagi membantu siasatan.

Kes disiasat di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga satu tahun, atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Orang ramai diingatkan agar tidak menyalahgunakan perkhidmatan rangkaian dan perkhidmatan aplikasi dalam talian untuk menyebarkan sebarang kandungan tidak sah atau palsu.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

